

**“KAJIAN TERHADAP ASPEK KESELAMATAN YANG
DIAMALKAN DI TEMPAT KERJA”
KAJIAN KES DI SYARIKAT PENGELUAR PRODUK GETAH,
SHAH ALAM**

KUMPULAN MARON

NOR AFIZAH BINTI AZMAN	08DPM04F004
NUR HAWANISHA BINTI IBRAMMUSA	08DPM04F005
THENG MEI YEE	08DPM04F009
RANJEETA KAUR SIDHU	08DPM04F010
OMAR HAFRIZ BIN MOHD YUSSOF	08DPM03F540



DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN (PENGURUSAN)

JABATAN PERDAGANGAN

SESI JANUARI 2007

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk “Mengkaji Aspek Keselamatan yang Diamalkan Di Tempat Kerja” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan Penilaian Projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak Oleh:-

Nama Penyelia : Puan Cecilia Soon Teik Lam

Tandatangan & Cop Penyelia :

Tarikh :

Disahkan Oleh:-

Nama Penyelaras : Puan Rosilah Binti Osman

Tandatangan & Cop Penyelaras :

Tarikh :

PERAKUAN PELAJAR

“Kami dengan ini memperakui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri di mana nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumber-sumbernya.”

1. Tandatangan :
Nama : Nor Afizah binti Azman
No. Pendaftaran : 08DPM04F004
Tarikh :
2. Tandatangan :
Nama : Nur Hawanisha binti Ibrammusa
No. Pendaftaran : 08DPM04F005
Tarikh :
3. Tandatangan :
Nama : Theng Mei Yee
No. Pendaftaran : 08DPM04F009
Tarikh :
4. Tandatangan :
Nama : Ranjeeta Kaur Sidhu
No. Pendaftaran : 08DPM04F010
Tarikh :



5. Tandatangan :

Nama : Omar Hafriz bin Mohd Yussof

No. Pendaftaran : 08DPM03F540

Tarikh :

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t....

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kami menyiapkan penulisan laporan projek kajian ilmiah ini bagi memenuhi syarat untuk mendapat diploma iaitu Diploma Pengajian Perniagaan (Pengurusan), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan khas kepada Puan Cecilia Soon kerana banyak membantu dalam menyiapkan laporan projek ini dan menyelia kami sepanjang proses kajian dijalankan. Jasa beliau akan tetap dikenang kerana memberikan kerjasama serta tunjuk ajar yang tidak terhingga sehingga sanggup menghabiskan separuh masa untuk berkongsi pengalaman dengan kami sepanjang tempoh penulisan laporan projek dijalankan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada penyelarar kami, pensyarah subjek Projek Perniagaan (P5128), Puan Rosilah binti Osman, yang tidak lokek dalam memberikan nasihat, buah fikiran serta perkara-perkara yang berkaitan dengan projek yang kami lakukan.

Sekalung penghargaan buat keluarga tersayang yang memberi restu sepanjang tempoh pengajian di politeknik.. Akhir sekali terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak berkongsi pendapat, memberikan bantuan dan dorongan yang tidak berbelah bagi di saat kami menghadapi kesulitan. Jasa kalian akan tetap dikenang.

DEDIKASI

“Buat ayah dan bonda tercinta, keluarga,
penyelia projek, pensyarah subjek dan rakan-rakan seperjuangan”

ABSTRACT

This research is done to analyze the aspect of safety in working place. The objective of this research is to know the policy and rules that is made by the company and to know whether the workers in the company obey the rules and regulations that are made by the company. Besides that, safety procedures are also taken in to do research in order to get to know what are the precaution steps that are taken by the company if there is any accident that happens. This research is done through few aspects which are from policies and rules that are fixed generally by the company. Other than that, this research also identifies the range of knowledge that a worker has in working place and how they manage to follow the rules. Around twenty five respondents which are among the workers in the rubber manufacturer company were chosen to be our sample and also to fill up the questionnaire forms. Those data's are collected and analyzed as qualitative. Based on the research that is done, it is found out that many of our respondents are aware of the company rules. There are some of the respondents who follow the company while there are also minor amount of workers who does not follow the company rules. Basically, the result of our research shows that many of our respondents stated that the rules that are fixed by the company are easy to follow, while the other hand, not forgetting there are also some group of workers who are not really keen to follow the company rules, especially using phone during working hours.

SENARAI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

Halaman Judul	i
Pengesahan Laporan Projek	ii
Perakuan Pelajar	iii
Penghargaan	v
Dedikasi	vi
Abstrak	vii
Abstract	viii
Senarai Kandungan	ix
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Lampiran	xv
 Bab 1	
Pengenalan	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Statistik Kemalangan Di Tempat Kerja	4
1.2 Pengurusan Kesihatan, Keselamatan Alam Sekitar	6
1.3 Pemantauan dan Pemeriksaan Yang Dijalankan	7
1.4 Penyataan Masalah	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop dan Batasan Kajian	10
1.8 Latar Belakang Syarikat	10

Bab 2

Kajian Literatur

2.0 Pengenalan	12
2.1 Keselamatan Pekerja di Tempat Kerja	13
2.1.1 Keselamatan Pekerja Tidak Dijaga	13
2.1.2 Majikan Di Malaysia Tidak Peka Keselamatan Pekerja	14
2.1.3 Keselamatan Pekerja Terus Diperjuang	15
2.1.4 Keselamatan dan kesihatan pekerja dalam firma	16
2.1.5 Program kesihatan pekerja	17
2.1.6 Dasar Keselamatan Pekerja Akan Diperkenal	17
2.2 Keselamatan Pekerja Dalam Sektor Perindustrian	19
2.2.1 Nahas Industri Sifar Tiada Nokhtah	19
2.2.2 Pekerja IKS Tidak Selamat	19
2.2.3 Mengamalkan Sistem Penyeliaan Yang Efektif	20

Bab 3

Metodologi Kajian

3.1 Pengenalan	22
3.2 Data Primer	23
3.2.1 Temu Bual	23
3.2.2 Soal Selidik	25
3.3 Data Sekunder	27
3.3.1 Laporan Organisasi	27
3.4 Pemerhatian	28
3.5 Populasi dan Persampelan Kajian	29

Bab 4	Analisi Kajian	
	4.0 Pengenalan	30
	4.1 Temubual	31
	4.2 Pemerhatian	32
	4.3 Buku Panduan Keselamatan Pekerja Kilang	34
	4.3.1 Panduan Keselamatan dalam Kilang	34
	4.3.2 Kemalangan di Tempat Kerja	35
	4.3.3 Pakaian dan Peralatan Keselamatan	35
	4.3.4 Pengendalian Alat Jentera	36
	4.3.5 Pengendalian Alat Elektrik	36
	4.3.6 Pengendalian Alatan Tajam	37
	4.4 Soal Selidik	38
	4.4.1 Tempoh Perkhidmatan Pekerja	38
	4.4.2 Tempoh Masa Bekerja Sehari	39
	4.4.3 Bilangan Pekerja Dihantar Menjalani Kursus	41
	4.4.4 Kekerapan Pekerja Dihantar Menjalani Kursus	42
	4.4.5 Penyediaan Insurans Pekerja	44
	4.4.6 Pekerja Dihantar Menjalani Latihan Kebakaran	45
	4.4.7 Pekerja Menjalani Latihan Pengendalian Mesin	46
	4.4.8 Pekerja Memakai Sarung Tangan Semasa Bekerja	47
	4.4.9 Pekerja yang Menggunakan Telefon Bimbit	48
	4.4.10 Prosedur Keselamatan yang Ditetapkan	50

Bab 5	Komen Dan Cadangan	
	5.0 Pengenalan	54
	5.1 Perbincangan dan Rumusan	55
	5.1.1 Pengetahuan dan Kesedaran Pekerja	55
	5.1.2 Persepsi Para Pekerja Tentang Pengetahuan Mengenai Keselamatan Diri Mereka Di Tempat Kerja	57
	5.2 Kesimpulan Keseluruhan	59
	5.3 Saranan dan Cadangan	60
	5.3.1 Cadangan Kepada Para Pekerja	60
	5.3.2 Cadangan Kepada Penyelia Syarikat	61

Bibliografi

Lampiran

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Tempoh Perkhidmatan Pekerja	38
4.2	Tempoh Pekerja Bekerja Sehari	39
4.3	Pekerja Dihantar Menjalani Kursus Keselamatan	41
4.4	Kekerapan Pekerja Dihantar Menjalani Kursus Keselamatan	42
4.5	Penyediaan Peti Keselamatan	44
4.6	Bilangan Peti Keselamatan	45
4.7	Penyediaan Insurans Pekerja	46
4.8	Pekerja Dihantar Menjalani Latihan Kebakaran	47
4.9	Pekerja Dihantar Menjalani Latihan Pengendalian Mesin	48
4.10	Laporan Dibuat Jika Berlaku Kemalangan	50
4.11	Pekerja Memakai Sarung Tangan Semasa Bekerja	35
4.12	Tindakan Segera Diambil Jika Kemalangan Berlaku	36
4.13	Syarikat Mengamalkan Langkah-Langkah Keselamatan Jika Berlaku Kemalangan	37
4.14	Pekerja Dibenarkan Menggunakan Telefon Bimbit	38
4.15	Pekerja Setuju Dengan Peraturan Yang Ditetapkan	40

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Tempoh Perkhidmatan Pekerja	38
4.2	Tempoh Pekerja Bekerja Sehari	40
4.3	Pekerja Dihantar Menjalani Kursus Keselamatan	41
4.4	Kekerapan Pekerja Dihantar Menjalani Kursus Keselamatan	43
4.5	Penyediaan Peti Keselamatan	44
4.6	Bilangan Peti Keselamatan	45
4.7	Penyediaan Insurans Pekerja	46
4.8	Pekerja Dihantar Menjalani Latihan Kebakaran	47
4.9	Pekerja Dihantar Menjalani Latihan Pengendalian Mesin	48
4.10	Prosedur Keselamatan Yang Digunakan Di Tempat Kerja	52

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
1	Borang Soal Selidik
2	Contoh Minit Kompaun
3	Panduan Berkenaan Tatacara Pengeluaran Notis Larangan dan Pembaikan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
4	Contoh Senarai Ketidakpatuhan Syarikat Terhadap Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994
5	Statistik Kemalangan dari Tahun 1999 Sehingga 2004
6	Contoh Keterangan Petikan Kesalahan-Kesalahan Yang Boleh Dibuat Cadangan Kompaun Dalam Akta kilang dna Jentera 1967 (Akta 139) dan Peraturan-Peraturan Yang Dibuat Dibawahnya Semasa Pemeriksaan Statutori Ke atas Tempat Kerja

BAB 1

PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Keselamatan pekerja merujuk pada perlindungan pekerja daripada kecederaan akibat kemalangan yang berlaku di tempat kerja. Setiap kemalangan yang berlaku adalah bersebab dan memberi kesan. Kemalangan ditakrifkan sebagai rujukan kejadian yang tidak dijangkakan atau tidak dirancang yang berlaku disebabkan oleh pelbagai punca yang memberi kesan ke atas tubuh badan (kecederaan atau penyakit) seseorang, kerosakan atau kemusnahan harta benda, kemalangan nyaris atau gabungan kesan-kesan tersebut.

Antara faktor-faktor berlakunya kemalangan pekerjaan termasuklah keadaan kerja yang tidak selamat, tindakan pekerja yang tidak selamat, iklim psikologi organisasi, jadual kerja dan ciri-ciri kerja itu sendiri. Oleh itu, kedua-dua pihak perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha pencegahan kemalangan. Pihak majikan bertanggungjawab untuk menyediakan suasana kerja yang selamat dan sihat bagi pekerja. Pekerja pula bertanggungjawab mematuhi segala prosedur dan peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh organisasi. Kedua-dua pihak bertanggungjawab mematuhi undang-undang berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja yang digubal dan dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan.

Oleh itu, hal keselamatan dan kesihatan pekerja harus dititikberatkan bukan hanya kerana pertimbangan moral dan undang-undang tetapi juga perimbangan dari segi ekonomi. Kemalangan yang berlaku boleh menyebabkan banyak masa dihabiskan untuk menyiasat kemalangan dan ini amat merugikan organisasi di mana melibatkan kos langsung seperti belanja perubatan dan juga kos tidak langsung. Penderitaan yang dialami oleh pekerja yang terlibat dengan kemalangan tidak ternilai kosnya dan ini memberi kesan terhadap keluarga mangsa jika kemalangan yang berlaku membawa maut.

Terdapat pelbagai pertubuhan yang bertanggungjawab terhadap kebajikan pekerja. Antaranya Pergerakan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) ditubuhkan pada 24 Februari 1994 di Malaysia. Penubuhan OSHA adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja bagi melindungi serta menggalakkan pekerja agar dapat menyesuaikan diri dengan keperluan psikologi

mereka. OSHA juga berperanan dalam meningkatkan tahap kesedaran dan kesihatan pekerja.

Selain OSHA, pertubuhan yang terlibat menjaga kebajikan pekerja adalah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditubuhkan pada Januari 1971 sebagai Jabatan Kerajaan bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. PERKESO ditubuhkan adalah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada para pekerja daripada pelbagai bentuk kejadian yang berlaku di luar jangkaan manusia.

Objektif PERKESO adalah menjamin pembayaran faedah kepada pekerja dan tanggungannya apabila berlaku kejadian di luar jangkaan pekerja. Skim keselamatan sosial yang ditawarkan antaranya adalah perkhidmatan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan vokasional serta memberi perlindungan sepanjang hayat dari sebarang keilatan dan kematian.

Pengawasan keselamatan pekerja juga telah termaktub di dalam undang-undang iaitu ia termasuk di dalam Akta Kilang dan Jentera 1967 telah diwujudkan bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dilindungi. Peningkatan kes berkaitan dengan kemalangan di tempat kerja menunjukkan industri tidak patuh terhadap piawaian dan panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Menurut Datuk Chua Jui Meng, Menteri Kesihatan, terdapat 100,000 kes kemalangan dan kecederaan membabitkan bencana kerja dilaporkan setiap tahun dalam negara. Di antara kemalangan di kilang-kilang yang dilaporkan adalah kecederaan yang

melibatkan penggunaan jentera dan peralatan kilang serta terhidu bahan kimia yang merbahaya. Dengan adanya Akta Kilang dan Jentera 1967, semua pihak yang terlibat dalam perindustrian mempunyai tanggungjawab yang sudah ditetapkan. Ini adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja kilang.

Secara kesimpulannya, dengan wujudnya pertubuhan-pertubuhan yang bertanggungjawab dalam kebajikan pekerja dan adanya penguatkuasaan daripada kerajaan iaitu penggunaan Akta Kilang dan Jentera 1967, dapat mengurangkan kemalangan di kilang. Sesebuah kilang dan jentera perlu mengikut akta ini, jika tidak dipatuhi tindakan undang-undang boleh dikenakan ke atas kilang terbabit

1.1 STATISTIK KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA

Apabila berlakunya kemalangan di tempat kerja, ia perlu dilaporkan segera ke bahagian pengurusan atasan untuk makluman mereka. Pekerja atau mangsa perlu diberi rawatan dengan segera dan jika kecederaan yang dialami serius maka mangsa perlu dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut. Pihak syarikat pula perlu melaporkan kes-kes kemalangan yang berlaku di tempat kerja kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Statistik kemalangan yang dibuat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) setakat yang dilaporkan oleh majikan daripada tahun 1999 sehingga

tahun 2004 berlaku di seluruh negara dicatatkan mengalami penurunan dari bilangan kes yang dilaporkan. Kes yang membawa kepada kematian pula semakin meningkat dari tahun ke tahun iaitu pada tahun 1999 sebanyak 984 kes dicatatkan sebagai mangsa maut di tempat kerja selepas berlakunya kemalangan. Manakala pada tahun 2004 sebanyak 1256 kes dilaporkan mangsa maut selepas berlaku kemalangan. Peningkatan sebanyak 21.66% berlaku dalam tempoh 5 tahun. Statistik ini hanya berdasarkan kes-kes yang dilaporkan kepada JKKP sahaja manakala kes kemalangan pekerja yang tidak dilaporkan berkemungkinan adalah lebih banyak daripada yang dilaporkan.

Statistik dibuat bagi mengetahui bilangan kemalangan yang berlaku pada setiap tahun dan untuk melihat kadar kemalangan sama ada berlaku peningkatan kemalangan di tempat kerja atau sebaliknya. Kadar penurunan dalam kes-kes kemalangan khususnya di tempat kerja adalah diharap dapat dikurangkan di setiap tempat kerja seluruh Malaysia dan untuk melaksanakan tugas ini banyak pihak perlu memainkan peranan dalam menjayakannya. Kadar kemalangan boleh dikurangkan jika pihak majikan mengambil langkah berjaga-jaga dengan menyediakan polisi keselamatan pekerja dan menguatkuasakan peraturan keselamatan untuk dipatuhi oleh pekerja. Para pekerja pula perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan, sentiasa berhati-hati dalam melakukan sebarang pekerjaan.

Pihak kerajaan pula perlu menguatkuasakan undang-undang mengenai keselamatan. Ini boleh dilaksanakan jika pihak majikan dan pekerja tidak mematuhi undang-undang yang ditetapkan bagi menjaga keselamatan dan kebajikan pekerja. Langkah seperti denda dan penjara kepada majikan yang tidak mematuhi peraturan

keselamatan pekerja di mana tidak menyediakan suasana yang selamat bagi pekerja melakukan kerja. Jika mereka yang tidak mematuhi undang-undang ini dibiarkan begitu sahaja maka kes-kes kemalangan yang berlaku tidak akan terkawal.

1.2 PENGURUSAN KESIHATAN, KESELAMATAN ALAM SEKITAR

Ledakan industri di Malaysia pada lewat 1980-an telah menyaksikan peningkatan kadar pelaburan dalam sektor pembinaan dan pembuatan. Oleh itu, kadar pengambilan pekerja oleh kedua sektor berkenaan meningkat berkali ganda selaras dengan kehendak & penghasilan syarikat yang terlibat. Oleh kerana ia berkait rapat dengan pekerja, maka kesihatan, keselamatan pekerja dan pencegahan pencemaran alam sekitar perlu diambil kira.

Secara amnya pengurusan KEKSAS (Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar) merangkumi dari segenap sudut bermula dari pembinaan sesebuah kilang, sehinggalah kepada pengguna sesuatu hasil tersebut. Di negara Malaysia, sistem ini pada kebiasaannya tertakluk di bawah pengawasan dan penyeliaan 3 jabatan utama dari 3 kementerian yang berbeza iaitu Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.